

12 OCT 2003

Mahathir-OIC/I

DIREKTORI MAKLUMAT PENTING BAGI PERDAGANGAN KALANGAN ANGGOTA OIC

PUTRAJAYA, 12 Okt (Bernama) -- Bagi memastikan perdagangan di kalangan 57 negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berkembang maju, adalah penting ia mempunyai direktori maklumat yang bermakna dan boleh diharapkan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata direktori maklumat seperti Direktori Perdagangan OIC, yang dikeluarkan sempena berlangsungnya Sidang Kemuncak OIC ke-10 di sini boleh dijadikan ejen permintaan dan bekalan.

"Dengan motivasi yang betul, individu, perniagaan dan perbadanan boleh meraih keuntungan daripada memulakan usaha giat perdagangan sesama negara OIC," kata Dr Mahathir dalam kata-kata aluan direktori rasmi pertama Perdagangan OIC, diterbitkan oleh Ramcel Media.

Sidang Kemuncak itu bermula semalam dengan Mesyuarat Pegawai Kanan (SOM) yang menyediakan agenda bagi mesyuarat para menteri mereka esok.

Dr Mahathir akan mempengerusikan Sidang Kemuncak OIC pada Khamis dan Jumaat di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) di sini.

Perdana Menteri berjata OIC merupakan penjaga kepada lebih daripada dua pertiga simpanan minyak dunia dan terdapat kira-kira 200 institusi kewangan Islam di dunia.

Terdapat juga lebih daripada 100 perbadanan multinasional yang berasal dari negara Islam dengan jumlah aset disatukan bernilai lebih daripada US\$200 bilion.

Oleh itu, Dr Mahathir berkata tiada sebab kenapa OIC tidak boleh muncul sebagai sebuah kuasa ekonomi yang padu dan dinamik di alaf baru.

"Pasaran Islam menawarkan peluang yang menarik dan mencabar kepada perniagaan Malaysia untuk memenuhi permintaan global bagi produk dan perkhimatan yang berkualiti," katanya.

Beliau berkata Direktori Perdagangan OIC boleh menjadi nadi dinamik aktiviti yang mencari jalan dan kaedah serta peluang bagi masyarakat peniaga Malaysia untuk menembusi pasaran besar yang berpotensi di kalangan masyarakat Islam global.

"Ini merupakan manifestasi kepercayaan dan komitmen Malaysia dalam kewajaran ummah sedunia untuk berpegang kepada perdagangan sebagai senjata tunggal yang jitu bagi menghadapi pelbagai cabaran dalam alaf baru," katanya.

Sementara itu dalam kata-kata aluannya, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata perdagangan di kalangan anggota OIC hanya boleh berkembang jika terdapat kesedaran di tahap lebih tinggi mengenai peluang yang terdapat dalam setiap negara anggota.

"Usaha institusi OIC untuk menyebarkan maklumat perdagangan dan ekonomi yang berkaitan, perlu saling melengkapi di kalangan negara anggota," katanya.

Rafidah juga berkata Malaysia telah lama mengakui potensi perdagangan untuk menyumbang kepada mengukuhkan hubungan dengan negara Islam lain.

"Program tahunan promosi perdagangan tahunannya yang termasuk lawatan ke luar negara oleh Perdana Menteri dan para pemimpin lain, begitu kuat mencerminkan penekanan yang diberikan untuk membina hubungan perdagangan dan ekonomi dengan negara-negara ini," katanya.

-- BERNAMA

RV AZZ RON